



FAQ - SOALAN-SOALAN LAZIM

- Soalan 1** : **Apakah syarat-syarat penyertaan pertandingan SME Bank Y-Biz Challenge 2018?**
Jawapan : a) Penyertaan adalah percuma.
b) Terbuka kepada semua sekolah menengah seluruh Malaysia.
c) Mempunyai Kelab Keusahawanan, Kelab Usahawan Muda atau Koperasi Sekolah melebihi 1 tahun.
d) Idea yang dihasilkan mestilah asli dan menepati kriteria yang telah ditetapkan.
- Soalan 2** : **Bagaimana cara untuk mendaftar dan mendapatkan borang penyertaan?**
Jawapan : Borang penyertaan boleh dimuat turun di laman web: www.yoursuccessourstory.com.
- Soalan 3** : **Berapa bilangan peserta yang dibenarkan bagi mewakili setiap pasukan?**
Jawapan : Setiap pasukan perlu menghantar 3 orang peserta dan 1 orang guru pembimbing.
- Soalan 4** : **Berapa banyak penyertaan yang perlu dihantar oleh setiap sekolah?**
Jawapan : Setiap sekolah dibenarkan menghantar lebih dari satu (1) penyertaan.
- Soalan 5** : **Bila tarikh tutup pertandingan?**
Jawapan : Tarikh tutup pertandingan adalah pada **28 Feb 2018**.
- Soalan 6** : **Adakah penyertaan ini diwajibkan kepada semua sekolah di Malaysia?**
Jawapan : Pihak penganjur menjemput semua sekolah-sekolah di seluruh Malaysia untuk menyertai pertandingan ini dan tidak mewajibkannya. Walau bagaimanapun pihak sekolah perlu mendapatkan penjelasan daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) masing-masing untuk pengesahan.
- Soalan 7** : **Berapakan had umur yang dibenarkan untuk menyertai pertandingan ini?**
Jawapan : Setiap peserta mestilah berumur 13 tahun – 18 tahun.
- Soalan 8** : **Pertandingan ini terbahagi kepada berapa peringkat?**
Jawapan : a) Peringkat awal: Setiap pasukan dikehendaki menghantar kertas cadangan projek secara online.
b) Peringkat separuh akhir: Penilaian kertas cadangan projek dan produk oleh panel juri.
c) Peringkat akhir: Pembentangan mengenai pelaksanaan projek dan pembentangan produk yang telah dikomersilkan dihadapan panel juri.
- Soalan 9** : **Nombor akaun manakah yang perlu diberikan kepada pihak SME Bank?**
Jawapan : Akaun Sekolah / Akaun Persatuan / Akaun PIBG. Pihak SME Bank tidak menerima sebarang akaun persendirian bagi tujuan pertandingan ini. Nombor akaun yang diberikan perlu tepat dan betul bagi mengelakkan kesilapan penama di atas cek.
- Soalan 10** : **Bagaimana untuk menghantar borang penyertaan dan kertas cadangan projek?**
Jawapan : Kertas cadangan projek yang telah disiapkan perlu dimuat naik di dalam laman web: www.yoursuccessourstory.com.

Sekretariat SME Bank Y-Biz Challenge 2018:
Jabatan Komunikasi Korporat,
SME Bank, Menara SME Bank, Tingkat 18, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
Pn. Saripah Radziah (03-2615 3868)
Pn. Norhamira (03-2615 2002)